

# iPad

Sebelum menggunakan iPad, lihat *Panduan Pengguna iPad* di support.apple.com/ms-my/guide/ipad. Anda juga boleh memuat turun panduan daripada Apple Books (jika tersedia). Simpan dokumentasi untuk rujukan masa depan.

## Keselamatan dan Pengendalian

Lihat "Keselamatan, pengendalian dan sokongan" dalam *Panduan Pengguna iPad*.

## Pendedahan terhadap Frekuensi Radio

Pada iPad, pergi ke Seting > Umum > Undang-undang & Kawal Selia > Pendedahan RF. Atau pergi ke apple.com/legal/rfexposure.

## Bateri dan Pengecasan

Jangan cuba gantikan bateri iPad dengan sendiri—anda mungkin rosakkan bateri, yang boleh menyebabkan panas melampau, kebakaran dan kecederaan. Bateri litium-ion dalam iPad anda perlu diservis atau dikitar semula oleh Apple atau penyedia khidmat sah dan mesti dikitar semula atau dilupuskan secara berasingan daripada sisa buangan rumah. Lupuskan bateri mengikut undang-undang alam sekitar dan garis panduan tempatan anda. Untuk mendapatkan maklumat tentang bateri litium-ion Apple serta servis dan kitar semula bateri, pergi ke apple.com/my/batteries/service-and-recycling. Untuk mendapatkan maklumat tentang pengecasan, lihat "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPad*.

## Elakkan Kerosakan Pendengaran

Untuk mengelakkan kerosakan pendengaran, jangan dengar pada paras kelantangan tinggi untuk masa yang lama. Maklumat lanjut tentang bunyi dan pendengaran tersedia dalam talian di apple.com/my/sound dan di "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPad*.

## Gangguan Peranti Perubatan

iPad mengandungi magnet serta komponen dan/atau radio yang mungkin mengganggu peranti perubatan. Lihat "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPad*.

## Kawal Selia

Maklumat pensijilan kawal selia tersedia pada peranti. Pergi ke Seting > Umum > Undang-undang & Kawal Selia. Maklumat kawal selia tambahan tersedia di "Keselamatan, pengendalian dan sokongan" dalam *Panduan Pengguna iPad*.

## Pematuhan FCC dan ISED Kanada

Peranti ini mematuhi bahagian 15 pada Peraturan FCC dan piawai RSS bebas-lesen ISED Kanada. Operasi tertakluk pada dua keadaan berikut: (1) peranti ini mungkin tidak menyebabkan gangguan berbahaya dan (2) peranti ini mesti menerima sebarang gangguan diterima, termasuk gangguan yang mungkin menyebabkan operasi yang tidak diingini.

## Pematuhan ENERGY STAR®



iPad memenuhi panduan ENERGY STAR untuk kecekapan tenaga. Mengurangkan penggunaan tenaga menjimatkan wang dan membantu memelihara sumber berharga. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang ENERGY STAR, pergi ke energystar.gov.

Untuk menjimatkan tenaga, iPad tidak selepas dua minit tiada aktiviti pengguna. Untuk menukar seting ini, pergi ke Seting > Paparan & Kecerahan > Kunci Auto.

## Pematuhan EU/UK

Apple Inc. mengisyiharkan bahawa peranti wayarles ini mematuhi Direktif 2014/53/EU dan Peraturan Kelengkapan Radio 2017. Salinan Pengisyiharan untuk Pematuhan tersedia di apple.com/euro/compliance. Wakil EU Apple ialah Apple Distribution International Ltd., Hollyhill Industrial Estate, Cork, Ireland. Wakil UK Apple ialah Apple UK Ltd., 2 Furzeground Way, Stockley Park, Middlesex, UB11 1BB.



## Maklumat Pembuangan dan Kitar Semula



Simbol di atas bermakna menurut undang-undang dan peraturan tempatan produk anda dan/atau baterinya mesti dilupuskan secara berasingan daripada sisa buangan rumah. Apabila produk ini mencapai akhir hayatnya, bawanya ke pusat pengumpulan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Pengumpulan dan kitar semula produk anda dan/atau baterinya secara berasingan pada masa pelupusan akan membantu memelihara sumber semula jadi dan memastikan ia dikitar semula dalam cara yang melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar. Untuk mendapatkan maklumat tentang program kitar semula, tempat pengutipan kitar semula, bahan terlarang dan inisiatif alam sekitar Apple lain, lawati [apple.com/my/environment](http://apple.com/my/environment).

## Ringkasan Waranti Terhad Satu Tahun Apple

Apple menjamin produk perkakasan dan aksesori yang disertakan daripada kecacatan bahan dan mutu buatan untuk satu tahun dari tarikh asal pembelian runcit. Apple tidak menjamin ke atas kehausan dan lusuh biasa, atau kerosakan disebabkan oleh kemalangan atau penyalahgunaan. Untuk memperoleh servis, hubungi Apple atau lawati Apple Store atau Penyedia Khidmat Sah Apple—pilihan servis tersedia bergantung kepada negara tempat servis diminta dan mungkin terhad kepada negara asal ia dijual. Caj panggilan dan caj penghantaran antarabangsa mungkin dikenakan, bergantung kepada lokasi. Tertakluk kepada syarat penuh dan

maklumat terperinci tentang perolehan servis tersedia di [apple.com/legal/warranty](http://apple.com/legal/warranty) dan [support.apple.com/en-my](http://support.apple.com/en-my), jika anda menghantar tuntutan sah di bawah waranti ini, Apple sama ada akan membaiki, menggantikan, atau mengembalikan bayaran peranti perkakasan anda menurut budi bicaranya sendiri. Faedah waranti adalah tambahan kepada hak disediakan di bawah undang-undang pengguna tempatan. Anda mungkin perlu memberikan bukti terperinci pembelian apabila membuat tuntutan di bawah waranti ini.

Untuk Pengguna Australia: Barang kami datang dengan jaminan yang tidak boleh dikecualikan di bawah Undang-undang Pengguna Australia. Anda berhak mendapat penggantian atau pengembalian bayaran untuk kerosakan besar dan pampasan untuk sebarang kehilangan atau kerosakan yang munasabah. Anda juga berhak untuk mendapat pembaikan atau penggantian barang jika kualitinya tidak boleh diterima dan kerosakannya bukan kerosakan yang besar. Apple Pty Ltd, PO Box A2629, Sydney South, NSW 1235. Tel: 133-622.